



GA-1028

SIRI MALAYSIA INDAH

Tempat-tempat Bersejarah

Oleh

**Shafiee Ahmad
Sulaiman Zakaria**



Buku Must Sdn.Bhd.,
No. 12, Jalan 14, Desa Jaya,
52100 Kepong, Kuala Lumpur
Malaysia.

Cetakan Pertama 1992

© Buku Must Sdn, Bhd.,

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan cara elektron, sawat, gambar, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada pemilik hakcipta terlebih dahulu.

ISBN:983-847-042-2

APR 709858 ✓

Buku Must Sdn. Bhd.,
12, Jalan 14, Desa Jaya,
52100 Kepong, Kuala Lumpur.
Tel: 03-6361666

M
959.5
SHA

TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH

Pengenalan

Malaysia telah menempuhi pelbagai peristiwa bersejarah sejak bermulanya tamadun Tanah Melayu hinggalah ke zaman penjajah. Sejarah yang telah dilalui begitu panjang, oleh itu banyaklah tinggalan sejarah yang masih kekal hingga ke hari ini.

Antara tinggalan sejarah yang terdapat di negara kita ialah kota, istana, tugu dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga tempat-tempat yang dianggap bersejarah. Tempat bersejarah ini ada yang melambangkan kemegahan sesuatu pemerintahan seperti Kota Melawati, Kota Kuala Kedah, Kota Johor Lama dan sebagainya.

Tinggalan-tinggalan sejarah ini telah berusia ratusan tahun, oleh itu tinggalan-tinggalan ini seharusnya dipulihara supaya terus kekal dalam keadaan asalnya. Tindakan ini penting kerana tinggalan-tinggalan sejarah ini terdedah kepada unsur-unsur alam yang boleh merosakkan seperti hujan, angin dan sinaran matahari. Selain itu, haiwan dan tumbuh-tumbuhan juga boleh mengancam tinggalan-tinggalan sejarah ini. Dengan adanya usaha memulihara ini, tinggalan sejarah itu akan dapat terus dikekalkan dalam keadaan asalnya.

Berkunjung ke tempat-tempat bersejarah dan menghayati sejarah, kita akan dapat mempelajari banyak perkara seperti kemajuan masa lampau dan sebagainya. Begitu juga dengan peristiwa bersejarah yang memberi teladan. Oleh itu amat penting memelihara semua tinggalan sejarah supaya tidak hilang ditelan zaman. Kita juga harus berbangga dengan tinggalan sejarah datuk nenek kita dahulu kerana tinggalan-tinggalan ini melambangkan kegigihan dan ketokohan mereka mengendalikan kehidupan pada masa itu. Semua ini seharusnya dijadikan satu pengajaran. Sebagai pewaris sejarah silam, kita seharusnya lebih cinta dan taat kepada bangsa dan agama.